



MAKLUMAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PUTRAJAYA



OPERASI DAN PERKHIDMATAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM) DALAM TEMPOH LANJUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Ekoran daripada pelaksanaan PKP telah menyebabkan aktiviti perniagaan dan pengilangan tidak dapat dijalankan seperti biasa, JKDM telah memutuskan supaya penalti ke atas pembayaran bagi tempoh PKP adalah diremit sepenuhnya jika pembayaran dibuat selewat-lewatnya pada **31 Mei 2020**.

Selain daripada itu bagi kesalahan lewat mengemukakan penyata bagi tempoh bercukai terlibat, tiada tindakan undang-undang akan diambil oleh JKDM ke atas kesalahan tersebut.

Remisi diberi melibatkan cukai / levi seperti berikut:

1. Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan melalui Penyata SST-02
2. Cukai Perkhidmatan diimport melalui Borang SST-02A
3. Cukai Pelancongan melalui Penyata TTx-03
4. Levi Pelepasan melalui Penyata DL-02

Keputusan ini khusus untuk tempoh bercukai yang berakhir seperti berikut:

Tempoh bercukai berakhir	Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Pembayaran Cukai	Pembayaran diterima sehingga 31 Mei 2020
29 Februari 2020	31 Mac 2020	Diremitkan sepenuhnya
31 Mac 2020	30 April 2020	Diremitkan sepenuhnya

Pembayaran melalui medium atas talian (online) atau perkhidmatan pos adalah digalakkan.

Sekian, terima kasih.

###

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
TARIKH: 29 APRIL 2020